



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA

1. LAPORAN HARIAN

Hari ini **satu (1)** kes positif COVID-19 dilaporkan di Daerah Sibü. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak setakat hari ini sebanyak **573** kes.

Kes **ke-573** ini merupakan warganegara Malaysia yang bekerja sebagai jurutera di salah sebuah Syarikat Minyak dan Gas di Negara Arab Saudi. Kes telah balik ke Malaysia pada 03 Julai 2020 dari Arab Saudi dengan menaiki Saudi Arabia Airline melalui KLIA. Kes telah menjalani saringan ujian RTK Antigen COVID-19 pada 03 Julai 2020 setibanya di KLIA dan keputusan RTK Antigen COVID-19 adalah negatif. Sebelum balik ke Sibü, kes menginap semalam di Tune Hotel KLIA pada 03 Julai 2020. Kes telah balik ke Sibü dengan menaiki penerbangan Air Asia pada 04 Julai 2020 dan telah dibawa terus ke pusat kuarantin di Sibü. Kes telah diambil swab pada 06 Julai 2020 dan keputusan ujian rT-PCR dari Makmal Hospital Sibü adalah positif COVID-19 pada 07 Julai 2020. Kes tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala COVID-19 dan telah dimasukkan ke Hospital Sibü pada 07 Julai 2020 untuk rawatan lanjut.

Dimaklumkan juga **tiada** kes baru yang telah sembuh dan discaj dari hospital hari ini. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah sembuh dan discaj kekal sebanyak **551** orang atau **96.16%**.

SOP UJIAN PCR DAN KUARANTIN BAGI MEREKA YANG BALIK DARI LUAR NEGARA

Sebanyak 5 orang masih menerima rawatan di dalam wad isolasi hospital. Semua mereka adalah rakyat Sarawak yang baru balik dari luar negara dan telah dikuarantin di pusat kuarantin.

Sehingga kini, kesemua 5 kes positif telah ditemui melalui SOP ujian PCR dan kuarantin wajib untuk mereka yang balik dari luar negara melalui KLIA ke Sarawak.

Walaupun kesemua 5 kes tersebut telah diuji negatif melalui ujian RTK Antigen di KLIA, mereka diuji positif melalui ujian PCR.

Antara mereka, 1 di Miri kembali dari Tunisia, 2 di Bintulu kembali dari Mexico dan UK dan 2 di Sibul masing-masing kembali dari UK dan Arab Saudi.

Oleh itu, JPBN ingin menekankan bahawa adalah diwajibkan bagi mereka yang pulang dari Luar Negara untuk menjalani ujian PCR semasa ketibaan dan dikuarantin sehingga keputusan ujian mereka negatif sebelum dibenarkan menjalani kuarantin di rumah. Mereka akan diambil sampel kedua pada hari ke-10.

Hari ini sebanyak **18 PUI** baru dilaporkan dan **8** kes masih menunggu ujian makmal.

Indikator kod warna daerah adalah berdasarkan bilangan kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas. Kod warna Merah bagi bilangan kes melebihi 40 orang, Kod warna Kuning bagi bilangan kes 1-40 orang dan kod warna Hijau bagi Tiada kes. Status tidak melibatkan kes import dari luar negara.

Pada hari ini, Daerah Kuching telah bertukar status daripada Kuning kepada status Hijau. Ini bermakna semua daerah di Sarawak adalah berada dalam status Hijau.

2. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA

Jawatankuasa Pengurusan Bencana telah menambahbaik Garis panduan (SOP) sedia ada seperti berikut:

A. AKTIVITI DOBI, KEDAI PAKAIAN DAN AKSESORI FESYEN

Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak (MLGH) telah menambahbaik Garis Panduan (SOP) untuk aktiviti sektor peruncitan iaitu Dobi, Kedai Pakaian dan Aksesori Fesyen berkuatkuasa serta merta.

B. AKTIVITI PAWAGAM

Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak (MLGH) telah menambahbaik Garis Panduan (SOP) untuk aktiviti pawagam berkuatkuasa serta merta.

C. PERGERAKAN MASUK GURU KE SARAWAK

Semua guru yang masuk ke Sarawak setelah balik bercuti, tidak akan dikuarantin berkuatkuasa serta merta.

D. PERGERAKAN MASUK KE SARAWAK MELALUI BRUNEI

Semua pelawat yang melintasi negara Brunei melalui darat (merentas sempadan) tidak perlu mendapatkan Kelulusan JPBN dan Polis. Namun, bagi mereka yang telah bermalam atau memasuki negara Brunei transit melalui jalan udara di Brunei, mereka masih memerlukan kelulusan JPBN untuk masuk ke Sarawak.

3. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (10 JUN HINGGA 31 OGOS 2020)

Hari ini sebanyak **2,141 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (385), Restoran (420), Kilang (20), Bank (217), Pejabat Kerajaan (96), Penjaja (41), Pasar Tani/Awam (117), Tempat Ibadah (111), Tempat Riadah (70), Tapak Pembinaan (25) dan lain-lain (639).

Seramai 636 pasukan pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (319), ATM (39), RELA (136), APM (87), PBT (53), dan Agensi lain (2).

3. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG

Hari ini terdapat **6 sekatan jalan raya** di 5 buah daerah bersempena dengan Op Benteng iaitu di Lundu (2), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Daripada 6 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **899** jumlah kenderaan telah diperiksa.

Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives

Jaga Sarawak Intu Sarawak

SEKRETARIAT

JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

08 JULAI 2020

5.00 PETANG

MAKLUMAT TAMBAHAN**1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK**

Kes Terdahulu	572	Kes sedang dirawat di hospital	5	0.87%
Kes Baharu	1	Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Jumlah Individu Disampel	57,252	Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>intubated</i>)	0	0.00%
Kes Positif Keseluruhan	573	Jumlah kes kematian	17	2.97%
IR per 100,000 penduduk	18.57	Kes telah sembuh dan discaj	551	96.16%
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	Kumulatif	Baru	Kumulatif
Negatif	16	7,950	18	8,531
Menunggu keputusan	3	8		

Status Semasa	SGH Kuching	Hospital Sibul	Hospital Bintulu	Hospital Miri	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital	2	2	1	0	5
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0	0	0	0
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>Intubated</i>)	0	0	0	0	0
Jumlah kes kematian	15	0	0	2	17
Kes telah sembuh dan discaj	Baru	0	0	0	0
	Kumulatif	467	31	22	31
Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital (<i>Re-tested Positive</i>)	9	8	2	0	19

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

DAERAH HIJAU (40)											
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah Kes Aktif	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.		
1	Kuching	13	5,547	0	339	0	327	0	10	2	0
2	Bintulu	0	261	0	23	0	22	0	0	1	1
3	Sibu	1	104	1	9	0	7	0	0	2	1
4	Samarahan	0	522	0	98	0	94	0	4	0	0
5	Simunjan	0	58	0	8	0	8	0	0	0	0
6	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0
7	Serian	0	297	0	21	0	21	0	0	0	0
8	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0
9	Lundu	0	237	0	1	0	1	0	0	0	0
10	Bau	0	158	0	5	0	5	0	0	0	0
11	Limbang	0	28	0	9	0	8	0	1	0	0
12	Miri	4	723	0	23	0	22	0	1	0	0
13	Asajaya	0	40	0	5	0	5	0	0	0	0
14	Sri Aman	0	41	0	3	0	2	0	1	0	0
15	Betong	0	171	0	16	0	16	0	0	0	0
16	Lawas	0	13	0	1	0	1	0	0	0	0
17	Mukah	0	38	0	1	0	1	0	0	0	0
18	Matu	0	5	0	1	0	1	0	0	0	0
19	Sarikei	0	91	0	6	0	6	0	0	0	0
20	Saratok	0	23	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Lubok Antu	0	18	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Meradong	0	34	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Tatau	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Daro	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Kapit	0	29	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
37	Marudi	0	11	0	0	0	0	0	0	0	0
38	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
39	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
40	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		18	8,531	1	573	0	551	0	17	5	2

Jumlah Besar	18	8,531	1	573	0	551	0	17	5	2
---------------------	-----------	--------------	----------	------------	----------	------------	----------	-----------	----------	----------

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Kluster yang telah dikenalpasti.

Bil.	Kluster	Kes Baru	Kumulatif Kes	Tarikh Tamat	
1	Kluster Kuching Conference	0	191	22 June, 2020	
2	Kluster Seri Petaling	0	115	10 June, 2020	
2a	Sub-Kluster Kuching dan Samarahan (BDC dan Desa Ilmu)	41	Sub-kluster dan kes sporadik dari Kluster Besar Seri Petaling	3 June, 2020	
2b	Sub-Kluster Debak, Betong	10		15 May, 2020	
2c	Sub-Kluster Sibul	4		10 June, 2020	
2d	Sub-Kluster Bintulu	2		12 May, 2020	
2e	Sub-Kluster Limbang	7		26 May, 2020	
2f	Sub-Kluster Kecil Kuching	7		12 May, 2020	
2g	Sub-Kluster Kecil Samarahan	10		3 June, 2020	
2h	Sub-Kluster Kecil Serian	3		3 June, 2020	
2i	Sporadik				
	i) Betong	6		15 May, 2020	
	ii) Samarahan	1		2 May, 2020	
	iii) Serian	1		6 June, 2020	
	iv) Kuching	9		12 May, 2020	
	v) Bintulu	2		18 April, 2020	
	vi) Miri	8	24 May, 2020		
	vii) Mukah	2	13 April, 2020		
viii) Limbang	2	26 May, 2020			
3	Kluster PUI Itali	0	65	30 May, 2020	
4	Kluster Petugas Kesihatan Kuching	0	68	6 June, 2020	
5	Kluster Kidurong	0	8	Active	
6	Kluster Tapak Pembinaan Kuching	0	3	Active	
7	Kluster-kluster kecil	0	63	-	
8	Sporadik kes	0	41	-	
9	Kes import	1	17	-	
10	Masih dalam siasatan dan kes baru	0	2	-	
Jumlah		1	573		

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Pada hari ini, seramai **78** *Person Under Surveillance* (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **11 buah hotel** adalah seramai **667 orang**.

Manakala seramai **17,943 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 08.07.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching	Harvour View	120
2	(305)	Riverside (Astana Wing)	185
3	Miri	Mega	25
4	(193)	Eastwood Valley	45
5		Meritz	80
6		Dynasty	43
7	Bintulu	Wasan Inn	12
8	(40)	Park City Everly	28
9	Limbang	Purnama	24
10	(27)	Mandarin	3
11	Sibu (102)	Premier	102
Jumlah PUS			667

3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Pada hari ini, sebanyak **2 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,358 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 08.07.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	Kuching	421
2	Miri	246
3	Bintulu	110
4	Samarahan	103
5	Sarikei	99
6	Sibu	81
7	Limbang	74
8	Betong	48
9	Serian	46
10	Mukah	45
11	Sri Aman	44
12	Kapit	41
Jumlah		1,358

4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Pada hari ini, sebanyak **28 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 08.07.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	MP Padawan	2
2	MP Kota Samarahan	1
3	MD Lundu	1
4	MD Srian	3
5	MD Bau	3
6	MD Sri Aman	4
7	MP Sibu	10
8	MB Miri	2
9	MD Limbang	2
Jumlah		28